

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN  
HAMIDI**

**[BAGAN DATUK]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019**

**MENJAWAB**

**SOALAN NO. 101**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga kini adakah masih terdapat sebarang perjanjian antarabangsa yang sedang dalam kajian atau perbincangan untuk ditandatangani oleh Malaysia, yang perlu diketahui oleh rakyat.

**JAWAPAN**

Yang Di-Pertua

1. Perjanjian antarabangsa yang sedang dalam kajian atau perbincangan untuk ditandatangani oleh Malaysia tidak dapat dinyatakan secara spesifik buat masa ini memandangkan pertimbangan sedemikian merupakan perkara dasar yang perlu dibuat oleh pihak Kementerian yang terbabit. Pihak Kementerian yang berkenaan juga akan mengadakan rundingan terlebih dahulu dengan pihak berkepentingan yang terbabit jika diperlukan.

2. Dalam hal ini juga, sebelum mana-mana perjanjian antarabangsa ditandatangani dan diratifikasikan, Kerajaan Malaysia hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa perundangan domestik sedia ada adalah selaras atau sekiranya tidak selaras, pindaan kepada undang-undang sedia ada perlulah dibuat bagi memenuhi tanggungjawab dan obligasi dalam perjanjian antarabangsa tersebut.

3. Sekiranya tiada perundangan domestik sedia ada, undang-undang baharu perlu digubal bagi membolehkan tanggungjawab dan obligasi yang terkandung dalam perjanjian antarabangsa tersebut dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.